

**JUDUL : UTUSAN MALAYSIA****TARIKH : 9 SEPTEMBER 2022****SITASI :****M/S : 12**

Ramdzan Saman. " Pustaka Sarawak sertai Konvensyen Perpustakaan Se-Malaysia." *Utusan Sarawak*, 9 September 2022, m.s. 9

**Utusan  
Malaysia**

## Perhimpunan pakar manuskrip Melayu

PENYELIDIK dari Amerika Syarikat, Russia, Indonesia dan Brunei antara 23 pakar yang membentangkan hasil dapatan seperti sejarah perundungan, undang-undang laut, bahasa dan pengaruh Melayu - Islam.

Ia berlangsung pada Persidangan dan Pameran Antarabangsa Manuskrip Melayu 2022 (PAMM 2022) di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim, Perak baru-baru ini.

Persidangan anjuran Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) menerusi Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan kerjasama UPSI dan Majlis Belia Malaysia (MBM) bertujuan menggalakkan masyarakat menghargai



SANTHARA Kumar (tengah) pada perasmian PAMM 2022 berlangsung di ibu negara baru-baru ini.

manuskrip Melayu sebagai manifestasi kearifan ilmuwan Melayu Islam.

Ia juga sebagai platform bagi para penyelidik manuskrip Melayu dari seluruh dunia

berwacana dan menjalankan kerjasama strategik. Timbalan Menteri Pelancongan, Seni

dan Budaya, Datuk Seri Dr. Santhara Kumar berkata, golongan muda harus menjadikan manuskrip Melayu sebagai sumber pencestarian utama dan sahih.

"Pemilihan tema undang-undang bagi persidangan berlangsung pada bulan kebangsaan juga signifikan dengan semangat kemerdekaan Malaysia yang dibina bersama-sama selama 65 tahun berteraskan kedaulatan undang-undang dan keluhuran Perlembagaan," katanya.

Lebih 200 peserta hadir terdiri daripada penjawat awam, pendidik, pensyarah, kakitangan swasta dan badan berkanan (NGO) serta pelajar universiti awam dan swasta.